

26 NOV 1998

Kelantan-Calon

BN KELANTAN TONJOL MUKA BARU HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

KOTA BAHARU, 26 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan dijangka menonjolkan ramai calon muka baru bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Pengerusinya Datuk Annuar Musa hari ini.

Katanya langkah itu perlu bagi memastikan BN dapat merebut kembali kerajaan Kelantan daripada Pas.

"Saya akan mencadangkan nama-nama calon itu kepada (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri apabila tiba masanya," katanya kepada pemberita di sini.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata langkah itu mungkin menyaksikan mereka yang kini menjadi ketua Umno bahagian tidak terpilih sebagai calon BN pada pilihan raya umum itu, seperti sebelum ini.

"Tiada kompromi bagi kriteria pemilihan calon kerana kita tetap mengutamakan calon yang mempunyai reputasi terbaik yang mampu diterima oleh semua golongan masyarakat Kelantan dan bukan sesuatu pihak sahaja," katanya.

Annuar berkata sekiranya BN dan Umno mampu menampilkan calon yang diyakini dan boleh diterima rakyat negeri ini, peluang untuk BN menawan kembali Kelantan daripada Pas -- yang telah memerintah sejak 1990 -- amat cerah.

"Pada masa ini peluang BN untuk menewaskan Pas adalah 50:50, dan sekiranya Umno dapat mengatasi beberapa masalah dalamannya serta bersatu tenaga hasrat mendapatkan Kelantan pasti tercapai," katanya.

Terdahulu, Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar mengadakan pertemuan dengan pegawai Risda dan Kemas yang merupakan agensi di bawah kementeriannya di sini

Menurutnya kementeriannya telah berjaya mengumpul 1 juta tandatangan hasil daripada program Sejuta Cinta Negara serta Wacana Cinta Negara di kalangan semua agensi-agensinya yang bermula tahun lepas sebagai usaha menyokong tindakan kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Beliau berkata satu acara khas sebagai kemuncak program itu akan dibuat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada 19 Dis bagi menyerahkan pungutan tandatangan itu kepada Dr Mahathir sebagai bukti kesetiaan kepada negara.

"Pada majlis itu Perdana Menteri akan menyampaikan amanat kepada agensi-agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta masyarakat desa serta menyerahkan dividen sebanyak RM200 juta kepada peneroka Felcra," katanya.

Annuar berkata pada majlis itu Dr Mahathir juga akan melancarkan buku tulisannya (Annuar) bertajuk "Tranformasi Kedua Luar Bandar".

-- BERNAMA

RAR NMO